

**PERBAHASAN
AHLI PARLIMEN
SG SIPUT
2014**

Kandungan

Nota Ahli Parlimen

Jangan Memkompromi Kedaulatan Negara
Perbahasan Terhadap Titah Seri Paduka Baginda. 18/3/2014

Bersikaplah Adil Terhadap Orang Pelarian

Tiada Dokumen Walaupun Dilahirkan Di Taiping.
Ucapan Penangguhan 11/6/2014

Pensen Warga Tua
Perbahasan terhadap Yayasan Guru Tun Hussein Onn. 9/6/14

Perlu Pendekatan Baru untuk Memajukan Ekonomi Negara
Perbahasan terhadap RUU memindahkan Akta Penggalakan
Pelaburan 1986 16/6/2014

Minda Pemimpin Kita Masik Dijajah
Ucapan Terhadap Belanjawan 2015. 28/10/14

Selesaikanlah Pertindihan antara Sistem Undang Sivil dan
Sistem Undang Syariah. 10/11/2014
*Petikan daripada jawapan YB Mejar Jeneral (B) Dato Seri Jamil Khir
Baharom, Menteri, Jabatan Perdana Menteri 10/11/2014*

Kesengsaraan Pekebun Kecil Getah 11/11/2014
*Petikan daripada jawapan Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri
Perusahaan Perladangan dan Komoditi. 12/11/2014*

Beberapa Pesanan pada Menteri Kesihatan

12/11/ 2014

Petikan daripada jawapan Datuk Dr S Subramaniam, Menteri Kesihatan.

Ambillah Tindakan Tegas untuk Selesaikan Masalah Jerubu

13/11/2014

Ambil keputusan yang Bijak dan Berani. Tolak Perjanjian TPPA.

17/11/2014

Jangan Mengabaikan Pekebun₂ Sayur-Sayuran

20/11/2014

Jawapan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Masalah Pembentungan Di Taman-Taman Rumah Kos Rendah.

20/11/2014

Pihak Polis Harus Bertindak Tegas Terhadap Sindiket Menculik dan Samseng Politik Fasis.

25/11/2014

Surat kepada Presiden PAS

Surat Kepada Presiden Barrack Obama

26/4/2014

Surat Kepada Ahli Parlimen PAS Dari Selangor

16/6/2014

30hb November 2014

Kepada Penduduk Sg Siput yang dihormati,

Dalam sistem demokrasi berparlimen kita, adalah tanggungjawab saya untuk menyuarakan isu-isu rakyat di Dewan Rakyat supaya memberitahu kerajaan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat biasa.

Perbahasan-perbahasan yang tercatit dalam buku kecil ini merupakan sebahagian besar daripada pencelaan saya di Parlimen dalam tahun 2014. Isu-isu pekebun getah kecil, pekebun sayur-sayuran, ibu tunggal, keluarga yang tidak memiliki rumah sendiri, warga tua, harga ubat, pengagihan pendapatan negara, gaji pekerja, masalah pemandu lori, kepahitan orang pelarian dan beberapa perkara lagi telah dibangkitkan oleh saya dalam tahun yang lalu. Saya harap saudara-saudari boleh mengambil sedikit masa untuk membaca buku ini supaya ambil tahu perkara-perkara yang telah dibangkit oleh saya di Parlimen sebagai wakil anda.

Anda mempunyai hak sepenuhnya untuk memberi maklumbalas anda pada saya samada anda setuju dengan apa yang telah diucap oleh saya ataupun jika ada perkara-perkara di mana anda tidak setuju. Jika ada isu yang anda tidak setuju, ataupun ada perkara-perkara lain yang anda mahu saya membawa ke Parlimen, tolong menghubungi saya. HP dan email saya diberi di bawah.

Terima kasih. Salam Perjuangan.

Jeyakumar Devaraj
HP: 019 5616807
e: rrani.kumard@gmail.com

Jangan Mengkompromi Kedaulatan Negara Perbahasan Terhadap Titah Seri Paduka Baginda. 18/3/2014

Terima kasih Datuk Speaker memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk fokus terhadap TPPA. Malaysia telah sertai perundingan TPPA pada Oktober 2010 dan sekarang dah sampai 3 tahun setengah kita berunding. Sudah sampai penghujung rundingan dan kita mesti buat keputusan.

Saya ingin kongsi beberapa perkara yang saya telah pelajari sebagai ahli Kaukus TPPA. Sebelum itu saya ingin merakamkan penghargaan terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas sikapnya yang profesional dan terbuka semasa berhubung dengan Kaukus TPPA.

Sebelum saya sertai kaukus ini, saya tidak dapat faham mengapa kerajaan kita sedang mengambil bahagian dalam perundingan satu perjanjian yang begitu teruk. Tetapi selepas menghadiri beberapa mesyuarat dengan pihak MITI, saya dapat ketahui bahawa memang kerajaan kita sedar akan kekangan berkaitan TPPA.

Kerajaan kita tahu isu Hak Cipta Intellect akan menyebabkan kenaikan dalam harga ubat-ubatan dan juga bahan pendididkan. Mereka tahu bab berkaitan dengan SOE ataupun Syarikat Pemilikan Kerajaan akan menyekat usaha kerajaan membantu syarikat-syarikat tempatan menceburii bidang-bidang baru dan membina kapasiti dalam bidang tersebut. Kerajaan kita juga sedar bahawa peruntukan ISDS atau Investor State Dispute Settlement akan buka ruang untuk didakwa di Tribunal Antarabangsa oleh syarikat pelabur.

Kerajaan kita sedar terhadap semua isu ini, tetapi mereka berpendapat kita tidak ada pilihan yang lain. Jika kita tidak serta TPPA, Malaysia akan ketinggalan, terpinggir, dan ini akan mejejaskan usaha kita membangunkan ekonomi Negara. Pendekatan kerajaan kita adalah untuk berunding sejauh yang boleh untuk mengurangkan kesan-kesan negative, tetapi akhirnya turut setuju dengannya.

Saya tidak setuju dengan pendekatan ini. Mana dia untung, bila kedaulatan Negara kita dikompromi supaya ingin mengelak daripada kenaikan tarif impot kelapa sawit sebanyak 14% di Kanada?

Saya tidak setuju Malaysia akan terpinggir jika kita tidak serta TPPA. Indonesia pun tidak menyertainya. Indonesia adalah Negara yang besar dengan jumlah penduduk sebanyak 240 juta dan GDP ataupun Keluaran Kasar Dalam Negeri sebanyak USD 867 bilion. Thailand juga tidak menyertai perundingan TPPA kerana ingin teruskan perlindungan terhadap sector pertanian mereka. Thailand ada jumlah penduduk sebesar 67 juta dan

GDPnya adalah USD 425 bilion. Jadi mana boleh kata kita akan terpinggir?

Saya juga tidak setuju bahawa Malaysia tidak ada pilihan yang lain. Beberapa Negara di Amerika Latin juga telah menolak Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Amerika Syarikat. Venezuela, Ecuador, Bolivia dan beberapa Negara Latin lain telah memilih untuk mewujudkan blok ekonomi mereka sendiri dan menolak Perjanjian Perdagangan dengan Amerika Syarikat.

MITI telah menganjurkan satu mesyuarat bersama En Michael Froman, yang rupakan Menteri Perdagangan Amerika Syarikat. Beliau telah menyifatkan TPPA sebagai “a high level 21st Century Agreement”, ataupun satu perjanjian yang bermuthu tinggi dan canggih. Apa yang dukacitakan adalah kakitangan MITI telah menerima pentafsiran ini.

Perjanjian TPPA akan menaikkan kos ubat untuk rakyat kita. Adakah ini sifat bermuthu tinggi? Peruntukan ISDS akan menyekat kuasa kerajaan kita ambil tindakan untuk melindung kesihatan rakyat kita. Adakah ini satu peruntukan yang canggih? Bab SOE, ataupun Syarikat Pemilikan Kerajaan, akan ikat tangan kita dalam mewujudkan kapasiti di bidang industry baru. Bermuthu tinggi?

Datuk Speaker, pada saya syarat-syarat yang dibawa oleh TPPA adalah lucah, obscene. Ia rupakan satu “corporate wish list” ataupun senarai idaman korporat.

Ingat balik. 60 tahun dahulu, pada April 1955, pemimpin daripada beberapa Negara di benua Afrika dan Asia yang baru merdeka bermesyuarat di Bandung Indonesia untuk bincang bagaimana membangunkan Negara-negara mereka. Agenda Bandung 1955 jauh berbedza daripada agenda yang terkandung dalam TPPA.

Mengapa perbedaan ini? Saya rasa satu faktor utama adalah kewujudan USSR dan Blok Timur pada takat itu. Kaum korporat takut akan Blok ini dan oleh itu mereka tidak berani terlalu menekan rakyat biasa. Tetapi sekarang Blok Timur telah gugur. Oleh itu kaum korporat telah jadi berani dan angkuh. Cukup berani untuk mengemukakan senarai idaman korporat dalam bentuk TPPA.

Saya rasa kita memerlukan Bandung II. Sudah sampai masa kita hidupkan balik semangat Bandung 1955. Cita-cita memajukan Negara-negara di dunia ketiga, untuk bina masyarakat yang aman dan makmur masih relevan pada zaman ini.

Cita-cita murni Bandung 1955 tergendala kerana beberapa sebab. Satu adalah status pembangunan industri yang rendah di Negara-negara yang baru merdeka. Mereka tidak mempunyai dana ekonomi yang mencukupi untuk membangunkan Negara mereka dan terpaksa mendapat pinjaman daripada Negara maju ataupun pelaburan daripada korporat barat.

Satu lagi adalah tindakan Amerika Syarikat sabotaj usaha Negara Afrika dan Asia membangunkan diri. Satu umpama adalah pergulingan Presiden Iran pada 1953, Presiden

Mossadeq, yang dianggap terlalu nasionalistik kerana ia menegaramilikkan industry petroleum di Iran yang sebelum itu dikuasai oleh syarikat barat.

Sekarang 60 tahun sudah lalu sejak conferens Bandung. Industri Negara-negara di Asia dan Afrika telah berkembang. Kitapun sekarang mempunyai kebolehan untuk melaksanakan cita-cita murni Bandung 1955. Sudah sampainya masa untuk hidupkan balik visi Bandung 1955. Dan langkah pertama dalam usaha ini adalah untuk menolak pendekatan yang terkandung dalam TPPA. Marilah kita menolak TPPA.

Bersikaplah Adil Terhadap Orang Pelarian

Terima kasih Dato Pengurus memberi saya ruang ambil bahagian dalam perbahasan badjet tambahan untuk Kementerian Luar Negeri.

Jumlah sebanyak RM 20 juta sedang dipohon untuk perbelanjaan melobi untuk Malaysia dijadikan Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan dalam Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Saya ingin ingatkan pada Menteri Luar Negeri bahawa dalam usaha melobi ini, imej Malaysia sebagai Negara yang sering menegakkan keadilan dan hak asasi rakyat di mana-mana negeri adalah amat penting untuk menjayakan usaha kita.

Satu perkara yang memburukkan imej Malaysia di kalangan antarabangsa adalah caranya kita mengendalikan isu pelarian ataupun refugee. Kita tidak mempunyai satu kategori khas untuk orang pelarian, tetapi mengumpulkan mereka dalam kategori PATI ataupun Pendatang Asing Tanpa Izin.

Dato Pengerusi, kita ada lebih kurang 40 ribu orang pelarian Rohinya dari Myanmar. Mereka didera di Negara asal mereka. Bila datang ke Malaysia, mereka dikategorikan sebagai PATI. Tidak diberi hak bekerja. Tetapi terpaksa curi-curi kerja kerana mereka kena cari makan untuk diri dan keluarga. So mereka kerja tanpa perlindungan dan sering dibuli oleh majikan yang ambil sempatan. Kerana kumpulan ini tidak boleh mengadu ke mana-mana. Dan anak-anak mereka tidak dapat pergi ke sekolah.

Pendekatan kita ini terhadap Rohinya dan orang pelarian yang lain tentu akan menjegas usaha kita masuk Majlis Keselamatan PBB. Oleh itu saya pohon, Menteri Luar Negara memakai sebahagian daripada badget tambahan ini untuk mengadakan sesi dialog dengan Kementerian Dalam Negeri untuk menggubal polisi yang lebih mesra pada kaum pelarian dan selari dengan prinsip hak asasi manusia.

Lets set our house in order, dengan izin. Ini akan membantu usaha kami mendapat keanggotaan dalam Majlis Keselamatan PBB.

Tiada Dokumen Walaupun Dilahirkan Di Taiping.

Ucapan Penangguhan 11/6/2014

Pn Selvi a/p Mahalingam telah dilahirkan di Hospital Taiping pada tahun 1971. Beliau sekarang berumur 43 tahun. Tetapi Pn Selvi masih belum memperolehi kad pengenalan.

Ibu Pn Selvi, Pn Luruthumary a/p Anthony Samy, juga dilahirkan di Malaysia, tetapi oleh kerana kemiskinan dan kemunduran, Luruthumary tidak mempunyai Sijil Lahir ataupun Kad Pengenalan sehingga selepas kelahiran kesemua empat orang anak-anaknya. Oleh itu pada takat kelahiran Pn Selvi, ibunya ditafsir sebagai “bukan warganegara”. Dan inilah makluman yang tercatit di Sijil Kelahiran Pn Selvi.

Pn Luruthumary a/p Anthony Samy telahpun memperolehi bukan sahja Sijil Kelahiran tetapi juga Kad Pengenalan biru yang

bermaksud beliau diiktiraf sebagai warganegara Malaysia. Tetapi oleh kerana perolehan kad pengenalan merah dan selepas itu biru bagi Pn Luruthumary semua berlaku selepas Pn Selvi berumur lebih daripada 21 tahun, Pn Selvi tidak dapat memakai status kewarganegaraan ibunya untuk mendapatkan kad pengenalan dirinya.

Saya baru membawa Pn Selvi untuk berbincang kesnya dengan pegawai-pegawai kanan di Jabatan Pendaftaran Negara di Ipoh. Mereka memberitahu saya bahawa mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran, langsung tiada ruang untuk mereka membantu Pn Selvi memperolehi kad pengenalan.

Dalam erti kata lain, Pn Selvi dan tiga orang adiknya adalah bertafsir “Stateless”. Mereka dilahirkan di Malaysia, dibesarkan di negara ini, dan telah hidup sepanjang umur di sini. Tetapi mereka tidak diiktirafkan sebagai warganegara ataupun pemaustatin tetap.

Saya setuju dengan kerajaan bahawa bilangan penduduk Malaysia yang tersangkut dalam keadaan “statelessness” ataupun ketidakwarganegaraan di mana-mana negara, bukan se tinggi 200,000 seperti didakwa oleh segelintir NGO. Tetapi masalah ini memang wujud dan kelihatannya masih tidak ada suatu prosedur yang teratur untuk mengendalikannya. Pegawai tinggi Jabatan Pendaftaran Negara di Ipoh hanya dapat menasihatkan saya, *“Cuba merayu kepada Menteri.”*

Boleh. Saya akan bercuba buat sebegini. Tetapi mengapakah tidak wujudkan prosedur yang lebih teratur dan mudah untuk melayani semua kes seperti Pn Selvi? Sudah tentu Menteri Dalam Negeri mempunyai pelbagai tanggungjawab yang berat. Mengapa melibatkannya dalam kes-kes yang boleh diuruskan oleh pegawai Jabatan Pendaftaran sekiranya polisi sesuai digubbal?

Apakah cadangan Kementerian Dalam Negeri mengendalikan kes-kes seperti Pn Selvi yang dilahirkan di Malaysia, dan walaupun berumur lebih daripada 40 tahun, masih tidak mempunyai kad pengenalan merah atau biru? Adakahnya antara KPI Jabatan Pendaftaran Negara untuk menyelesaikan kes-kes seperti Pn Selvi dalam satu jangka masa tertentu?

Nota

Setelah ucapan yang tercatit di atas saya dapat berjumpa dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Wan Junaidi b Tuanku Jaffar, dan dirujuk olehnya ke Pengarah Bahagian Kad Pengenalan di Putra Jaya. Setelah saya membawa Pn Selvi, adik beradik dan ibunya ke Putra Jaya tiga kali, masalah mereka diselesaikan. Pada 27hb November 2014, Selvi dan tiga orang adik beradiknya menerima kad pengenalan biru.

Pensen Warga Tua

**Perbahasan terhadap Yayasan Guru Tun Hussein Onn
9hb Jun 2014**

Terima kasih Dato Speaker memberi saya sempatan berbahas Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Saya mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk menubuhkan satu Yayasan untuk menjaga kebajikan kaum guru. Tetapi ada beberapa isu yang saya ingin membangkitkan

Yang pertama, Yayasan Tun Hussein Onn ini akan mengambil alih aset Kumpuan Wang Simpanan Guru yang telah diwujudkan pada 1960an daripada caruman guru-guru pada masa itu. Saya difahamkan bahawa lebih kurang 10 ribu guru telah mencarum pada Kumpulan Wang Simpanan Guru dan bahawa pada masa ini aset Kumpulan Wang ini adalah beberapa ratus juta ringgit kerana mempunyai hartanah dan bangunan.

Apakah nasib guru-guru yang pernah mencarum pada dana ini? Mereka semua sudah bersara – apakah situasi mereka? Ataupun jika mereka telah meninggal, apakah situasi balu mereka? Adakah cadangan dana Yayasan baru ini digunakan untuk menghulurkan bantuan kebajikan kepada kumpulan guru yang pernah mencarum pada dana ini pada satu masa dahulu?

Saya juga mahu Menteri menjelaskan samada pemindahan dana yang dikutip daripada satu kumpulan kepada satu yayasan baru sah di sisi undang-undang jika ia-nya tidak diluluskan oleh pencarum asal.

Poin kedua yang saya ingin membawa adalah Fasal 10 dalam Akta ini – keanggotaan Lembaga Yayasan Guru. Pada saya komposisi lembaga adalah “top heavy” di mana semua anggota lembaga dilantik oleh Menteri Pendidikan ataupun Menteri Kewangan. Tiada ruang yang mencukupi untuk suara-suara guru biasa yang merupakan kumpulan sasaran yayasan ini. Saya ingin mengesyorkan, keanggotaan lembaga diperluaskan dengan perlantikan 5 orang guru yang sedang berkhidmat – 3 dari Semenanjung dan 1 dari Sabah dan satu lagi dari Sarawak. Dan kelima guru ini dilantik oleh Kesatuan Guru NUTP dan bukan oleh Menteri. Ini akan membawa suara guru ke dalam lembaga.

Poin ketiga yang saya ingin bawa adalah Fasal 6(2)(i) yang menyatakan bahawa Yayasan ini boleh memberi pinjaman atau biasiswa pada kakitangan Yayasan. Adakah perlu untuk menghadkan amaun yang boleh diberi pada kakitangan Yayasan ke 0.1% daripada jumlah bayaran kebajikan tahunan?

Kerana kita ada 400,000 orang guru di bawah Kementerian Pendidikan. Jika kakitangan Yayasan 200 orang, ini hanya merupakan 0.05% bilangan guru.

Point keempat adalah berkaitan Fasal 33 – Laporan Tahunan. Laporan ini harus dipaparkan atas website Yayasan bersama dengan senarai orang yang dibantu dalam tahun itu supaya memberi satu maklumbalas yang jelas pada kaum guru. Ini akan mewujudkan satu system check and balance untuk dana Yayasan ini.

Cadangan kerajaan menubuhkan yayasan ini menunjukkan kesedaran bahawa sistem laissez fair ataupun sistem pasaran bebas tidak dapat menjaga segala kepentingan rakyat. Oleh itu adalah perlu rakyat, melalui kerajaan mereka, mewujudkan program-program untuk memberi perlindungan pada kumpulan-kumpulan yang miskin atau terpinggir.

Saya ingin mengesyorkan pada kerajaan untuk mengkaji ide pension untuk semua pekerja swasta. Negara kita ada lebih daripada 5 juta pekerja swasta, dan situasi mereka adalah lebih tidak tentu berbanding kumpulan guru. Pekerja swasta tidak menerima pensen, dan kebanyakannya daripada mereka menghabiskan simpanan KWSP mereka sebelum mereka sampai umur 65 tahun. Bolehkah kerajaan memulakan satu skim pension sebanyak RM 200 se bulan untuk semua rakyat Malaysia bila sampai usia 70 tahun jika lau mereka tidak menerima pensen kerajaan ataupun pensen Perkeso? Saya harap kerajaan dapat mengkaji syor ini. Pada hitungan saya, ini

akan mengambil dana sebanyak RM 1.5 bilion setahun. Bukan besar sangat. Harus dikaji.

Terima kasih Dato Speaker.

Kita Memerlukan Pendekatan Baru untuk Memajukan Ekonomi Negara kita.

Perbahasan terhadap RUU memindahkan Akta Penggalakan
Pelaburan 1986 16/6/2014

Terima kasih Dato Speaker memberi saya peluang membahas Pindaan pada Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Tn Speaker, Akta Induk Penggalakan Pelaburan telah digubal hampir 30 tahun dahulu. Pada masa itu, tembok Berlin masih berdiri dan Negara Cina tetap komunis. Pada takat itu Malaysia merupakan antara Negara-negara di Dunia Ketiga dengan paras gaji yang terendah, dan strategi memakai gaji rendah kita untuk mengeluarkan barang untuk pasaran Eropah Barat dan Amerika Syarikat adalah satu strategi yang munsabah pada zaman itu. Itu digelar “export led growth” dan memang merupakan satu strategi yang berpatutkan pada takat itu.

Tetapi dunia sudah banyak berubah dalam 30 tahun yang lalu. Tembok Berlin telah runtuh, dan Negara Cina teluk memeluk sistem ekonomi kapitalis dan sekarang merupakan lokasi perkilangan dengan gaji yang lebih rendah daripada gaji di Malaysia.

Migrasi kilang-kilang dari Eropah dan Amerika ke Cina dan Vietnam telah memiskinkan kelas pekerja dan kelas menengah (middle class) di negara-negara itu dan menyekat penambahan permintaan kasar di negara-negara maju. Aggregate demand di Negara maju tidak berkembang pesat untuk beberapa tahun yang lalu.

Jadi kita memerlukan satu dasar ekonomi yang baru untuk mengendalikan situasi baru ini. Kita tidak boleh bergantung pada pasaran negara maju untuk menjual barang yang dikeluarkan oleh negara kita. Kaedah memakai “low cost production” dan “export led growth” tidak boleh dipakai lagi. Kita mesti cari cara untuk menjana permintaan dalaman negara ataupun domestic demand untuk memperkembangkan industri kita.

Tuan yang Pertua ini memerlukan satu pendekatan yang baru. Kita kena mengatasi beberapa kekangan dan sekatan yang wujud sekarang. Kita kena cari satu kaedah untuk memastikan usaha memperkembangkan permintaan kasar dalaman tidak hanya mengutungkan negara serantau atau Cina yangkekalkan paras gaji yang lebih rendah daripada kita.

Dalam perkara ini, mungkin kita boleh belajar daripada kaedah-kaedah yang dipakai oleh Amerika Syarikat dalam perundingan TPPA umpamanya “yarn forward rule” ataupun kaedah “country of origin”. Mungkin kita boleh mengikat pengurangan tariff terhadap barang dari negara lain pada kerelaan negara berkenaan untuk meningkatkan gaji minima pada kadar yang berpatutan. Jika negara lain sedia memperkembangkan pasaran dalaman mereka, tidak salah kita membuka ruang untuk industri negara itu dapat untung daripada pasaran dalaman kita kerana kita pun boleh ekspot ke negara itu.

Sama juga dengan isu cukai korporat. Malaysia harus usaha untuk membina satu jaringan negara yang sedia meningkat kadar cukai korporat secara beransur tetapi terus. Peningkatan pendapatan kerajaan akan menjana pasaran dalaman apabila kerajaan tersebut melaksanakan projek-projek untuk meningkatkan kebajikan rakyat. Negara-negara dalam jaringan sebegini harus diberi keistimewaan dalam hal-hal perdagangan.

Saya harap kerajaan kita ambil berat untuk mengkaji dan menggubal satu pendekatan yang baru yang lebih sesuai bagi situasi ekonomi antarabangsa yang berwujud sekarang.

Terima kasih.



Minda Pemimpin Kita Masik Dijajah

Ucapan Terhadap Belanjawan 2015. 28/10/14

(Tiap Ahli diberi 20 minit untuk berbahas Belanjawan di Perengkat Dasar)

Terima kasih Dato Speaker, memberi peluang pada saya untuk berbahas Budget 2015.

Saya nampak daripada dokumen₂ Kementerian Kewangan bahawa pegawai-pegawai Kementerian Kewangan telah mengambil banyak masa untuk menyediakan belanjawan ini. Saya hargai usaha mereka. Tetapi Dato Speaker saya tidak selesa dengan pendekatan yang dipakai oleh mereka untuk menyediakan belanjawan ini.

Budget ini didasarkan pada konsep bahawa apa sahja yang baik untuk kaum korporat adalah baik untuk negara kita. “What is good for business is good for Malaysia.” Oleh itu budget 2015

ini meneruskan hala tuju Negara kita ke arah ekonomi yang neoliberal.

Masalah dengan pendekatan neoliberal adalah walaupun ia boleh memperkembangkan keluaran kasar dalam negara (ataupun GDP negara) dengan pesat, pendekatan ini tentu akan menyusahkan 50% rakyat yang berpendapatan rendah. Di Malaysia 50% daripada keluarga kita dapat pendapatan bulanan yang kurang pada RM 4200 se bulan. Mereka hadapi masalah ekonomi.

Tetapi nampaknya penggubal budget 2015 ini tidak sedar bahawa strategy pertama dalam budget ini ia-itu “memperkuuhkan pertumbuhan ekonomi” jika dilaksanakan atas prinsip neo-liberal akan bercanggah dengan strategy ke 7, ia-itu “mensejahterakan rakyat”. Inilah yang amat bimbangkan Dato Speaker. Tiada mana₂ unsur keraguan terhadap pendekatan pro korporat. Secebis pun tiada.

Perancang ekonomi kita telah terima hujah-hujah pakar neoliberal daripada World Bank dan IMF secara menyeluruh. Mereka sudah menelan pendekatan neoliberal “Hook Line and Sinker”. Ini yang amat bimbangkan pada saya.

Marilah kita kaji pengalaman Malaysia.

Pada tahun 1970, GDP Negara Malaysia hanya RM 10.7 bilion dalam nilai mata wang pada takat itu. Sekarang GDP Malaysia adalah 1 trillion ia-itu satu ribu billion. 93 kali lebih besar daripada GDP pada tahun 1970.

Ok nilai ringgit pada 1970 berbeda daripada nilai wang sekarang. Ikut statistic World Bank, harga barang telah naik 467% antara 1970 dan 2014. Dan jika kita muh hitung kenaikan pendapatan per kapita, kita harus mengambilkira penambahan dalam jumlah rakyat Malaysia juga. 9.4 juta pada tahun 1970 berbanding 29 juta sekarang – 3.082 kali lebih besar sekarang.

Oleh itu kita harus bahagi angka 93 oleh 4.7 dan selepas itu oleh 3.1, dan kita dapati bahawa pendapatan per kapita Malaysia telah naik 6 kali ganda dalam nilai sebenarnya berbanding pendapatan per kapita pada tahun 1970.

Tetapi adakah rakyat kita hidup dengan 6 kali lebih selesa berbanding 1970. Sudah tentu tidak. Izinkan saya berkongsi realiti yang berwujud di Sg Siput,

Beratus-ratus pekebun kecil getah merana kerana harga getah beku telah jatuh ke bawah RM 1.80 se kilo. Mereka yang menoreh kebun milikan orang lain dengan kaedah “bagi dua” lebih susah lagi.

Ada beratus-ratus keluarga di Bandar Sg Siput yang tidak mempunyai rumah dan menduduki rumah papan atas tanah orang lain – dengan izin “ground tenants”. Mereka hadapi risiko diusir keluar bila-bila pembangunan sampai ke kawasan mereka. Tahun ini sahja dua kawasan terancam begini.

Ada berpuluhan-puluhan ibu tunggal yang tidak dapat membiayai keperluan asas anak-anak mereka kerana gaji mereka rendah – hanya RM 400 ke RM 500 se bulan, dan bantuan kebajikan yang maxima hanya RM 450. Pendapatan mereka tidak mencukupi untuk bayar sewa rumah, bil air dan lektrik, membeli makanan dan hantar anak-anak mereka ke sekolah.

Saya percaya ini tidak berlaku hanya di Sg Siput. Kita ada lebih kurang 400,000 pekebun getah kecil di Malaysia. Mereka ditekan dengan harga getah rendah yang berlarutan. Kita juga ada 850,000 keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal. Mereka ini tidak dapat membesarkan anak mereka dengan sempurna. Pemakanan dan pelajaran anak-anak mereka terjejas dan kitaran kemiskinan disambungkan dari satu generasi ke generasi baru.

29% daripada keluarga-keluarga di Malaysia memperolehi pendapatan bulanan sekeluarga di bawah RM 3000. Mereka dalam keadaan susah. Mereka tidak dapat memenuhi keperluan asas kanak-kanak mereka.

Di kawasan bandar mereka terpaksa menginap di rumah pangsa yang sempit dengan persekitaran yang kotor. Urban high rise slums Dato Speaker. Mereka terpaksa kerja lebih masa. Ibu pun kerja. Mana ada masa untuk bersama dan berinteraksi dengan anak-anak mereka. Inilah sebab utama masalah sosial di bandar-bandar kita.

Graduan university pun mengalami ketekunan finans. Mereka dibebani dengan pinjaman PTPTN antara RM 25,000 hingga

RM100,000. Harga rumah telah melambung tinggi. Orang graduan pun tidak dapat membeli rumah mereka sendiri.

Inilah situasi kita di Malaysia. Negara kaya. GDP telah berlipat ganda dalam 44 tahun yang lalu. 20 kali lebih besar dalam nilai ringgit sebenar. Pendapatan per kapita juga naik 6 kali dalam nilai sebenar. Tetapi walaupun negara kaya, kebanyakan rakyat tidak dapat hidup selesa.

Gaji hanya merupakan 33% daripada pendapatan Negara. Hutang isi rumah (household debt) adalah 85% GDP. Jika dibanding dengan pendapatan isi rumah dalam satu tahun, hutang isi rumah telah mencecah 215%.

Ramai yang hadapi masalah tekanan ekonomi walaupun negara kaya. Untuk mengendaikan masalah ini adalah penting kita memahami puncanya. Punca utama adalah kenaikan kos barang keperluan asas adalah lebih pesat daripada kenaikan dalam pendapatan rakyat biasa. Dalam 30 tahun yang lalu banyak keperluan asas diperniagakan. Dijadikan business mengikut syor pakar neoliberal daripada World Bank dan IMF.

Ambil perumahan sebagai satu contoh. Pada tahun 60an dan 70an beribu-ribu keluarga miskin daripada kawasan luar bandar datang ke bandar untuk mencari kerja. Oleh kerana mereka tidak dapat membeli rumah di taman, mereka membina rumah mereka sendiri di tanah lapang. Mereka tidak berhutang dengan bank. Mereka bina rumah mereka sendiri dengan bantuan kawan dan saudara mara dan dapat hidup selesa.

Sekarang mana ada tanah lapang yang boleh dipakai begini? Semua telah diberi pada Perbadanan Kemajuan Negeri atau State Secretariat Incorporated atau MB Incorporated yang buat joint venture dengan syarikat pemaju swasta.

Tanah kerajaan tidak dipakai untuk menurunkan harga rumah tetapi diniagakan supaya syarikat kerajaan dapat durian runtuh. Siapa yang menanggung semua ini? Elit politik dan pemaju besar jadi kaya raya. Tetapi harga rumah melambung. Rakyat biasa yang dibebankan dengan hutang bank.

Ada 2 cara kita boleh menangani masalah peningkatan harga rumah akibat perniagaan dalam satu keperluan asas rakyat.

1. Kita boleh menerima hakikatnya dan mengeluarkan perumahan daripada pasaran dan daripada diperniagakan. Kita boleh memakai tanah kerajaan untuk membina rumah dan bekalkannya ke rakyat kita yang tidak ada rumah sendiri dengan kos pembinaan sahja. Tanpa untung dan spekulasi. Ini cara yang terbaik.

Ataupun 2, kita boleh manafikan realiti yang berwujud dan teruskan perniagaan dalam perumahan. Kita beri bantuan token. Macam PRIMA. Harga rumah RM 200,000 hingga RM 450,000. Menteri Perumahan telah kata 1.7 juta keluarga di Malaysia tidak memiliki rumah. Majoriti antara mereka berpendapatan di bawah RM 4200. Mana mereka boleh membeli rumah berharga RM 200,000? Dan bekalan rumah PPR adalah begitu sedikit. Di Sg Siput sudah 20 tahun tiada skim PPR

walaupun ada beberapa ratus keluarga yang memerlukan rumah.

Tetapi punca masalah perniagaan dalam keperluan asas tidak diambilkira dalam Budget. Inilah sebabnya saya rasa kecewa dengan budget ini.

Satu lagi contoh adalah kos rawatan perubatan. Pada masa ini ramai orang berpendapatan rendah pergi ke hospital swasta kerana mereka takut pergi ke hospital kerajaan. Mereka risau penyakit mereka tidak di kesan dengan betul dan mereka diberi rawatan yang salah. Persepsi ini timbul kerana tidak ada cukup pakar di Hospital Kerajaan. Pada masa ini 80% daripada pakar perubatan di Malaysia sedang berkhidmat di Hospital Swasta. Oleh itu tiada cukup pakar perubatan di hospital kerajaan untuk memantau rawatan yang diberi oleh doctor-doktor yang muda dan kurang dalam pengalaman.

Apakah langkah dalam budget untuk menangani masalah ini? Langsung tiada langkah untuk mengawal penghijrahan doctor pakar daripada hospital kerajaan. Ada ide ingin membuka beberapa puluh Klinik 1 Malaysia tetapi masalah utama kesihatan yang dihadapi rakyat adalah kos tinggi rawatan di hospital.

Masalah ini senang dikendalikan. Kita harus membekukan perkembangan hospital swasta. Jangan izinkan hospital swasta baru dan juga jangan benarkan hospital swasta yang sedia ada untuk menambahkan jumlah katil. Jika pendekatan seperti ini diambil, penghijrahan doktor pakar ke sektor swasta akan

dilambatkan dan kualiti rawatan dalam hospital kerajaan dapat dipulih balik.

Tetapi kerajaan kita mahu memperkembangkan Medical Tourism ataupun Pelancongan Kesihatan. Ini sudah dijadikan satu sasaran ekonomi kita selaras dengan ajaran World Bank dan IMF bahawa semua barang dan perkhidmatan harus diniagakan.

Ini yang amat mengecewakan Dato Speaker. Kita sudah Merdeka 57 tahun. Tetapi minda pemimpin kerajaan kita masih dijajah oleh orang putih daripada World Bank dan IMF yang tekankan pendekatan neoliberal.

Kualiti pemimpin di dunia ketiga sudah banyak merosot Dato Speaker. Bila kita ingat balik 59 tahun ke Konferens yang berlangsung pada Disember 1955 di Bandung di Indonesia. Pemimpin Dunia Ketiga telah berkumpul dan berkongsi visi mereka untuk masa depan Negara-negara mereka

- Merdeka yang tulen
- Pembangunan ekonomi yang untungkan rakyat
- Pengagihan kekayaan Negara secara yang adil.

Memang usaha ini telah gagal. Dan ada 3 sebab utama yang menggagalkan usaha murni ini. Satu adalah kemiskinan negara-negara yang membangun pada takat itu. Selepas dijajah dan dieksploti untuk beberapa abad mereka tiada modal yang cukup. Meraka tidak mempunyai teknologi dan pengetahuan yang perlu.

Sebab kedua yang menyebabkan kegagalan visi Bandung adalah kelemahan dalam amalan demokrasi. Negara-negara baru keluar daripada masyarakat Feudal, dan amalan demokrasi belum lagi matang pada takat itu. Oleh itu tiada check and balance yang mencukupi. Dan tanpa ini pemimpin baik juga boleh jadi korup.

Sebab ketiga adalah usaha sabotaj oleh Amerika Syarikat dan Britain – Mossadeq di Iran diguling oleh CIA selepas dia menegaramilikkan Anglo Iranian Oil. Gamal Nasser menghadapi serangan tentera Britain, Perancis dan Israel pada tahun 1956 selepas menegaramilikkan Kanal Suez. Dan Sukarno diguling dengan galakan CIA pada tahun 1965.

Sekarang, sudah 59 tahun selepas Bandung. Negara-negara Dunia Ketiga sudah perolehi kapasiti fisikal – modal, pengetahuan perusahaan, teknologi, pengetahuan dan infrastruktur.

Malangnya pemimpin kita telah hilang visi yang disuarakan oleh bapa-bapa merdeka di Bandung. Minda pemimpin negara kita telah dijajah oleh pihak Barat dan dipenuhi dengan kepercayaan neoliberal. Oleh itu kita masih ditakluki oleh syarikat-syarikat terbesar di dunia dan menari ikut rentak mereka.

Cara menangani tekanan ekonomi yang dihadapi oleh rakyat biasa di Malaysia wujud.

Punca utama untuk masalah tekanan ekonomi yang dirasai oleh orang ramai adalah pengagihan kekayaan Negara secara yang berat sebelah. Pada takat ini

- 60% daripada pendapatan Negara pergi ke syarikat2 besar
- 10% daripada pendapatan pergi ke 20% rakyat yang terkaya.
- hanya 30% daripada pendapatan Negara dinikmati oleh 80% rakyat di bawah. Mereka yang rupakan Marhein Negara kita.

Ada dua cara kita boleh mengagihkan pendapatan negara secara yang lebih saksama.

Satu, kita boleh menaikkan gaji pekerja kita. Tetapi ini mempunyai batasannya. Jika kita naikkan gaji terlalu tinggi, ini akan menjelas prestasi ekonomi kita dengan menurunkan daya saing negara kita di arena antarabangsa.

Kaedah kedua untuk mengagihkan kekayaan negara kita secara yang lebih adil adalah untuk menghentikan perniagaan dalam perkhidmatan asas dan membekalkan kemudahan asas dengan harga yang murah umpamanya

- Rumah pertama dengan kos pembinaan sahja
- Meningkatkan kualiti rawatan di Hospital Umum
- Pendidikan percuma sampai ke tahap universiti
- Pensiun warga tua untuk semua rakyat slepas sampai umur 65 tahun.

Kaedah kedua ini tidak akan menjelas daya saing ekonomi kita. Malah dia akan memperkembangkan pasaran dalaman negeri kerana duit yang dipakai untuk beli rumah dan bayar PTPTN sekarang boleh di pakai untuk membeli barang dari pada

peniaga. Dan kita ada lebih kurang dua juta peniaga kecil yang bergantung pada pasaran domestik.

Tetapi kaedah kedua ini bercanggah dengan teori neoliberal yang berpegang pada kepercayaan bahawa lebih baik jika semua barang dan perkhidmatan dibekalkan oleh sektor swasta. Kita kena tolak pendekatan neoliberal jika kita mahu betul-betul mencapai Strategi 7 dalam Belanjawan ini ia-itu mensejahterakan rakyat kita. Malangnya saya tak nampak kesedaran ini dalam badget ini

Saya ingin akhiri ucapan ini dengan syor kepada perancang ekonomi kita di EPU dan Kementerian Kewangan

- Tolong rujuk balik kepada ucapan-ucapan tokoh-tokoh kermerdekaan pada dekad 50an dan 60an. Bacalah apa yang diucap oleh Soekarno, Jawarhal Nehru, Mossadeq Perdana Menteri Iran pada 1951, Gamal Naser, dan Presiden Ghana, Nkrumah. Renung balik, adakah kita dah sesat daripada tujuan membina negara yang betul₂ merdeka daripada kuasa barat?

Saya harap kita akan saksi satu budget yang lebih baik tahun depan.

Terima kasih Dato Speaker.

Selesaikanlah Pertindihan antara Sistem Undang Sivil dan Sistem Undang Syariah

10/11/2014

(Ahli Parlimen diberi 10 minit untuk berucap terhadap badget tiap kementerian di Perengkat Jawatankuasa)

Terima kasih Dato Penggerusi memberi peluang pada saya untuk berbahas Belanjawan Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mengemukakan empat perkara.

Yang pertama adalah masalah pertindihan antara 2 sistem undang-undang yang menyusahkan keluarga di mana ***seorang dalam pasangan suami-isteri bertukar agama ke Islam.***

Akta Membaharui Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Law Reform Act 1976) dalam seksyen 3(3) menyatakan bahawa Akta ini hanya untuk orang yang beragama bukan Islam. Oleh itu seorang suami dalam pasangan Hindu yang bertukar agama ke Islam tidak dapat pergi ke Mahkamah Sivil untuk mengendalikan penceraianannya.

Pada masa yang sama , Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan di bawah seksyen 46(2) bahawa Mahkamah Syariah boleh mengendalikan pembubaran perkahwinan yang diwujudkan di kerangka sivil. Ini bererti Mahkamah Syariah diberi kuasa di bawah seksyen 47 (1) (f) berkaitan penentuan penjagaan kanak-kanak (custody) pasangan itu.

Beberapa keluarga telah tersepit di antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah oleh kerana Akta-Akta ini.

Saya mahu Jakim dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri mengkaji balik situasi yang wujud sekarang. Bolehkah kita melaksanakan prinsip bahawa sesuatu perkahwinan harus dibubarkan di kerangka di mana ianya

diwujudkan. Untuk melaksanakan ini, Akta Marriage Reform Act harus diubahsuaikan untuk membolehkan suami Hindu yang telah bertukar agama ke Islam untuk membawa masalah penceraian ke Mahkamah Sivil untuk diputuskan. Pada masa yang sama Akta Undang-Undang Keuarga Islam 1984 harus dipindah untuk menutup ruang yang memberi sempatan untuk membawa perkara ini ke Mahkamah Syariah.

Isu kedua yang saya ingin membawa juga berkaitan JAKIM dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri.

Isu ini adalah Enakmen yang digubal di Negeri Selangor pada tahun 1988 untuk mencegah ***pengembangan Agama bukan Islam di kalangan orang Islam***. Saya faham Enakmen ini adalah berdasarkan pada peruntukan 11(4) di Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan “*Undang-undang Negeri boleh menyekat pengembangan kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam*.”

Tetapi saya percaya perlaksanaan peruntukan 11(4) ini haruslah selaras dengan Fasa 11(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan “*Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk pada Fasal (4), mengembangkannya*”. Fasa 3(1) juga mengatakan “*Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan*”.

Fasa 9 (c) dalam Enakmen Mencegah Pengembangan Ugama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam, Selangor menyatakan bahawa sesiapa yang memakai “mana-mana perkataan (termasuk Kalimah Allah) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada mana-mana perhimpunan orang” melakukan satu kesalahan.

Saya mahu JAKIM dan Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri mengkaji samada Fasa 9 ini bercanggah dengan Fasal Perlembagaan 3(1) dan 11(1)? Pada saya Enakmen Selangor adalah keterlaluan dan ianya mencabuli hak masyarakat bukan Islam kerana mencampur tangan dalam urusan dalaman agama bukan Islam. Ikut Perlembagaan tiada sesiapa yang boleh mengarah agama bukan Islam cara mereka sembah pada tuhan di premis mereka dan di kalangan ahli-ahli mereka.

Isu ini telah menyebabkan salah fahaman dan ketegangan antara rakyat kita yang berbilang agama dan ada orang yang menyalahkan Pengarah JAIS. Pada saya ini bukan kesalahan Pengarah JAIS atau MAIS. Mereka pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan undang-undang. Mereka bukan penggubal undang-undang ini. Mereka tidak boleh menafsirkan undang-undang dan buat keputusan undang-undang mana yang mereka harus melaksanakan. Punca masalah ini adalah Dewan Undangan Negeri dan kita kena balik ke Dewan Undangan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini.

Manusia boleh lakukan kesilapan dalam menggubal undang-undang. Itu boleh berlaku. Dan boleh dimaafkan. Tetapi kelambatan untuk membetulkan kesilapan yang telah dilakukan. Ini yang susah untuk difaham. Dan ia timbul persepsi di kalangan beberapa orang bahawa ada pihak yang mahu masalah yang menimbulkan ketegangan antara kaum untuk dipanjangkan

Isu ketiga yang saya ingin membawa adalah berkaitan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat SPAD. ***Isu muatan lori yang melebeli had.*** Ini berlaku kerana syarikat-syarikat lori sedang bersaing untuk kontrak mengangkut barang kilang. Persaingan ini membawa ke sebutharga yang sangat rendah dan oleh itu syarikat lori terpaksa melebeli had muatan untuk mendapatkan untung. Kadangkala muatan melebeli had sebanyak 2 kali ganda. Ini membawa pada kemalangan kerana lori yang terlalu berat sukar dikawal dan juga membawa pada kerosakan jalan raya.

Bolehkah SPAD mengkaji perkara ini. Bolehkah satu harga lantai diwujudkan supaya tawaran harga kontrak muatan tidak diturunkan ke paras yang terlalu rendah. Jika ini dapat ditentukan, masalah melebeli muatan mungkin dapat dikawal.

Isu terakhir saya ingin membawa adalah untuk Jabatan Perangkaan dan EPU, Unit Perancang Ekonomi. ***Isu garis kemiskinan.*** Minggu lalu kita diberitahu bahawa garis miskinan untuk Semenanjung Malaysia adalah RM 907 sebulan untuk sebuah keluarga. Ini langsung tidak realistic. Bolehkah sebuah keluarga dengan 2 orang dewasa dan 2 orang anak hidup

dengan pendapatan RM 907 di Kuala Lumpur? Apakah kos sewa rumah? Apakah kos pengangkutan ke sekolah?

Apakah erti kemiskinan? Jika satu keluarga duduk di bawah jambatan tetapi ada cukup makanan adakah mereka bukan miskin?

Saya rasa satu keluarga yang tidak boleh membekalkan kemudahan asas untuk anak-anak mereka adalah miskin. Kemudahan seperti penginapan, persekolahan, yuran bas, fi kelas bimbingan dan sebagainya. Saya rasa sekurang-kurangnya ini memerlukan RM 2500 untuk satu keluarga di Kuala Lumpur.

Di Negara Eropah mereka menetapkan garis kemiskinan sebagai 60% pada pendapatan median. Jika kita pakai formula ini di Malaysia, pendapatan median kita adalah RM 4200 sebulan. 60% daripada ini adalah lebih kurang RM 2500.

Saya harap EPU boleh mengkaji isu ini. Sekarang garis kemiskinan terlalu rendah dan oleh itu statistic rasmi kemiskinan kita begitu rendah. Hanya 1.6% Tetapi ianya bukan realistik.

Terima kasih Dato Penggerusi.

Petikan daripada jawapan YB Mejah Jeneral (B) Dato Seri Jamil Khir Baharom, Menteri Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri 10/11/2014

YB Sg Siput telah menimbulkan perkara jagaan anak di mana satu daripada ibu bapanya memeluk agama Islam, supaya memberikan keadilan pada semua pihak.

Jabatan Peguam Negara berdasarkan arahan Jemaah Menteri pada 4hb Januari 2006 telah menyediakan cadangan pindaan kepada undang-undang Perkahwinan / Penceraihan 1976 (Akta 164), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Pesekutuan 1993 (Akta 505) dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303).

Memandangkan cadangan pindaan ketiga-tiga Akta tersebut melibatkan pindaan undang-undang Islam yang berkuatkuasa di negeri-negeri, cadangan pindaan tersebut telah dibentangkan kepada Majlis Raja-Raja atas arahan Jemaah Menteri pada 29hb Jun 2009. Majlis Raja-Raja telah memutuskan supaya cadangan pindaan tersebut dikemukakan untuk penelitian dan pandangan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri terlebih dahulu.

Berdasarkan maklumbalas yang dikemukakan oleh negeri-negeri kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada masa ini, hanya satu majlis agama Islam sahja yang bersetuju dengan keseluruhan cadangan pindaan Akta 164, 505 dan 303.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13hb Jun 2014 telah memutuskan supaya Jabatan Peguam Negara dan JAKIM hendaklah mengadakan rundingan semula dengan pihak berkuasa agama Islam di negeri-negeri termasuk menyemah taklimat kepada Raja-Raja Melayu berkenaan cadangan pindaan Akta 164, 505 dan 303.

Kerajaan akan membentangkan cadangan pindaan kepada undang-undang tersebut setelah mendapat persetujuan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan perkenaan Majlis Raja-Raja.

Kesengsaraan Pekebun Kecil Getah

11/11/2014

Terima kasih Dato Pengerusi.

Saya ingin mengemukakan masalah harga getah yang begitu rendah untuk beberapa bulan yang lalu. Minggu lepas harga SMR 20 telah turun ke bawah RM 5 sekilo. Ertinya harga jualan getah beku oleh penoreh di akar umbi adalah hanya RM 1.88 se kilo.

Kita ada lebih kurang 447,000 pekebun kecil getah di Malaysia. Mereka dan keluarga mereka sengsara oleh kerana harga getah yang rendah ini. Antara mereka ada yang tidak memilik kebun getah yang mereka toreh. Mereka kena kongsi pendapatan yang diperolehi dengan tuan tanah – bagi dua. Situasi mereka lebih teruk.

Isu ini telah dibawa oleh beberapa orang Ahli Parlimen sebelum ini. Umpamanya pada Mac tahun ini, YB Baling telah menyoal mengapa harga getah telah jatuh dan langkah yang sedang diambil oleh kerajaan. Tetapi jawapan yang diberi oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi tidak lengkap.

Menteri telah jawab bahawa masalahnya adalah ketidakimbangan antara pembekalan getah asli dan permintaan untuk getah asli di pasaran dunia. Kelembapan ekonomi Eropah dan

pengurangan dalam kadar perkembangan ekonomi negeri Cina diberi sebagai sebabnya permintaan getah turun.

Dato Pengerusi, ini bukan cerita yang penuh. 70% daripada getah asli digunakan oleh syarikat tayer. Wujudnya antara 5 hingga 10 syarikat tayer gergasi di dunia. Mereka bertapak di beberapa Negara – anak-anak syarikat mereka adalah di Amerika, Cina dan juga di Malaysia. Mereka adalah cukup besar untuk control harga pasaran getah.

Jawapan Menteri pada soalan Baling adalah seolah satu “perfect market” berwujud untuk getah asli di pasaran dunia. “Perfect market” adalah satu pasaran di mana ada beribu-ribu pembekal barang itu yang jual kepada beribu-ribu pembeli. Jadi tiada sesiapa yang boleh mempengaruhi harga barang itu. Ini tidak berwujud dalam pasaran getah Tuan Pengerusi.

Pasaran getah antarabangsa di control oleh satu oligopoly pembeli yang boleh menekan harga ke paras yang rendah.

Mari kita kaji fakta. Permintaan untuk getah asli adalah 7.1 juta tan metric pada tahun 2000. Ia sudah naik ke 11.4 juta tan metric pada tahun 2013. Permintaan selalu naik. Mungkin kadar kenaikannya turun bila ekonomi dunia lembab, tetapi dia terus naik.

Dan harga produk akhir, tayer kenderaan pun tidak pernah turun. Kita semua tahu harga tayer kereta yang kita beli selalu naik dari tahun ke tahun. Menteri kata ada lambakan getah asli.

Dalam satu “Perfect market” harga tayer akan turun. Ini tidak pernah berlaku.

Ertinya adalah syarikat gergasi yang buat tayer sedang beruntung beratus-ratus juta pada masa ini. Kesengsaraan pekebun getah kecil kita adalah akibat kerakusan syarikat-syarikat gergasi ini. Pekebun kecil kita sedang dibuli!

Saya balik kepada jawapan Menteri ke soalan YB Baling pada Mac tahun ini. Menteri sebut ITRC – International Tripartite Rubber Council yang dianggotai oleh 3 pengeluar getah asli terbesar ia-itu Thailand, Indonesia dan Malaysia.

Mengikut Menteri, ITRC ini telah melaksanakan AETS ataupun Agreed Export Tonnage Scheme untuk mengurangkan pembekalan getah sebanyak 300,000 tan untuk tempoh 6 bulan dari Oktober 2012 hingga Mac 2013. Tetapi Pengerusi, hanya Thailand yang mematuhi perjanjian ini. Negara kita telah keluarkan lebih getah dalam tempoh 6 bulan daripada apa yang dikeluarkan setahun sebelum itu.

Mengapakah kita tidak lebih serius dalam perkara ini? Syarikat gergasi sedang membuli kita. Kita memerlukan tindakan tegas untuk menguruskan rantai bekalan getah asli ataupun “supply chain”. Tetapi kita tidak buat. Kenapa?

Sekarang kerajaan sedang berbincang perlaksanaan subsidy 30 sen se kilo sekiranya harga getah beku di akar umbi turun ke

bawah RM 1.75. Saya mengalu-alukan skim ini. Tetapi saya minta Kementerian ataupun RISDA turun ke padang untuk bermesyuarat dengan penoreh getah. Sejauh saya tahu, tiada mesyuarat antara penoreh yang dianjurkan oleh RISDA walaupun harga getah begini rendah untuk beberapa bulan. Tetapi isu pokok adalah tingkahlaku syarikat gergasi yang sedang memeras rantaian pembekalan getah untuk mengaut untung lumayun. Kerajaan kita mesti ambil tindakan tegas dan berkesan untuk mengawal tindakan membuli ini.

Terima kasih.

Petikan daripada jawapan Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. 12/11/2014

Terima kasih Yang Berhormat Sg Siput. Sebenarnya beberapa minggu yang lepas, 11 buah negara yang mengeluarkan getah bermesyuarat di Kuala Lumpur. 11 buah negara ini mengeluarkan 95% daripada keluaran getah dunia. Malaysia telah mencadangkan mesyuarat ini yang sebelum ini di peringkat pegawai dinaiktarafkan kepada peringkat Menteri.

Pada tahun akan datang, mesyuarat pertama antara menteri-menteri pengeluar getah dunai akan diadakan. Di sinilah kita melihat kerana kita faham dari segi supply dan demand. Apa yang penting adalah kita dapat kerjasama untuk membentuk satu badan yang dapat mengimbangkan supply dengan demand.

Beberapa Pesanan pada Menteri Kesihatan

12hb November 2014

(Hanya diberi 5 minit kerana kesuntukan masa)

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh lima perkara secara ringkas.

Yang pertama adalah berkaitan kebebasan pakar-pakar perubatan yang menganggotai **panel-panel Perkeso**. Saya pernah saksi kes-kes di mana pesakit dengan Spondylolisthesis gred 3 juga digagalkan oleh panel Perkeso. Dan apabila disoal, pakar-pakar dalam panel Perkeso berkata ada garis panduan daripada Perkeso yang menyatakan beberapa persen maxima yang boleh diberi untuk penyakit seperti “spondylolisthesis”.

Saya mahu Menteri menasihatkan pakar-pakar perubatan kita bahawa mereka mempunyai kebebasan profesional untuk memutuskan samada pesakit itu boleh terus kerja atau tidak. Untuk melakukan ini mereka kena tengok taraf pendidikan pekerja terlibat, dan juga kemahirannya. Jika dia hanya boleh buat kerja buruh kasar memang dengan spondylolisthesis beliau tidak dapat kerja. Jangan ikut apa sahaja yang diberitahu oleh Perkeso.

Isu kedua adalah **bantuan untuk dialysis**. Saya diberitahu bahawa subsidi RM60 setiap kali dialysis untuk pesakit yang pergi ke pusat swasta telah dibekukan. Pesakit lama terus diberi, tetapi pesakit yang baru masuk rawatan dialysis tidak dapat bantuan ini. Mereka kena membayar caj penuh ia-itu RM120 se kali dialysis dan mereka perlu dialyse tiga kali

seminggu. Lebih kurang RM 1400 sebulan. Ini agak berat untuk mereka.

Isu ketiga adalah cadangan Amerika Syarikat di bawah TPPA untuk ***memanjangkan tempoh paten untuk ubat***-ubat daripada 20 tahun ke tempoh yang lebih panjang. Adakah kita setuju dengan permohonan ini? Dan bagaimana pula dengan klausu “data eksklusiviti” yang akan melambatkan pembawaan ubat generic selepas tamatnya tempoh paten? Apakah pendirian kita terhadap cadangan Amerika Syarikat untuk mempertanggungjawabkan kerajaan sendiri untuk memantau dan menghentikan penjualan ubat generic di Malaysia.

Isu keempat adalah ***penyakit “Lysosomal”***. Berapakah bilangan kanak-kanak yang merima rawatan “enzyme replacement” yang saya tahu adalah kos tinggi, dan berapa lagi yang masih belum menerima rawatan tersebut? Apakah cadangan kita untuk mengendalikan kanak-kanak yang belum terima rawatan ini?

Akhirnya saya ingin tanya samada benar pihak ***Jabatan Imigresen*** sedang bertapak di beberapa hospital kerajaan untuk menangkap pesakit asing tanpa dokumen. Jika ini sedang laku, ia bukan satu langkah yang bijak dari segi kawalan penyakit berjangkit. Jika pekerja asing melambatkan kehadiran ke hospital, penyakit mereka boleh berjangkit ke orang lain termasuk rakyat Malaysia sendiri dan menyebabkan wabak. Kementerian Kesihatan harus meminta Jabatan Immigresen untuk menangkap siapa dia mahu di luar hospital tetapi elak daripada bertapak di premis hospital-hospital kerajaan.

Petikan-petikan daripada jawapan YB Datuk Seri Dr S Subramaniam, Menteri Kesihatan:

- Mereka yang pergi dan buat dialysis di NGO yang tidak diasaskan pada keuntungan, kerajaan memberi subsidi RM60 tiap kali, dan ini diteruskan, tiada dibekukan. Tetapi mereka yang dapat dialysis di Hospital Swasta, memang mereka kena bayaran penuh.
- Tentang TPPA, Kementerian Kesihatan mempunyai pandangan yang sama seperti Yang Berhormat berkaitan Intellectual Property Rights. Kita telah minta tiada perubahan kepada apa uang ada sekarang, ia itu tiada patent extension and klausa ekslusiviti. Pendirian kementerian adalah jangan menjas kebolehan kita untuk dapat ubat generic mengikut keperluan kita dan dengan kos yang tersedia ada.

Ambillah Tindakan Tegas untuk Selesaikan Masalah Jerubu

13/11/2014

Terima kasih Dato Penggerusi memberi peluang pada saya untuk berbahas Belanjawan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya ingin membawa empat perkara.

Yang pertama adalah ***masalah jerubu***. Saya ingin tanya, berapakah amaun yang diperuntukkan dalam badjet Kementerian Alam Sekitar untuk mengendali masalah jerubu?

Dato Penggerusi, sebab utama pembakaran tanah gambut adalah penurunan paras air tanah ke paras yang terlalu rendah. Ini disebabkan oleh usaha yang diambil oleh Kerajaan Indonesia yang menggali tali-tali air untuk membuka beribu-ribu ekar tanah di Sumatra dan Kalimantan untuk tujuan pertanian. Sekarang, kita harus membina ampangan untuk meyekat air dan meningkatkan balik paras air dalam tanah jika kita mahu menangani masalah jerubu.

Masalah jerubu sekarang menyerang kita beberapa kali setahun. Seperti diterangkan oleh Menteri minggu lalu, jerubu ini mengandungi beberapa bahan yang bahaya pada kesihatan manusia. Partikel-partikel jerubu adalah amat halus dan boleh disedut ke dalam paru-paru apabila kita bernafas.

Rakyat Malaysia tidak akan menyalahkan kerajaan jika sejumlah wang dipakai untuk membantu Kerajaan Indonesia memulihkan keadaan melalui projek-projek membina ampangan kecil di tali-tali air di kawasan gambut yang pernah bakar. Kita juga kena tengok jika loji-loji hydro-elektrik yang kecil boleh dibina bersama ampangan-ampangan. Ini akan membawa kebaikan pada masyarakat tempatan Indonesia juga.

Perkara kedua adalah isu **sisa pepejal daripada Kilang Lynas**. Berapakah banyak tan sisa pepejal yang telah dikeluarkan oleh Lynas sampai sekarang? Bagaimana pelan untuk menghantar sisa-sisa buangan ini balik ke lombong asalnya di Australia?

Saya berharap-harap sangatlah, janganlah menaburkan sisa radioaktif ini di merata tempat di Pahang sebagai bahan buat jalan raya. Dato Pengerusi, tiada paras di bawah mana bahan yang keluarkan sinaran radioaktif tidak ada kesan negatif terhadap kesihatan manusia. Dia itu tetap merbahaya.

Isu ketiga adalah berkaitan Sg Pahang. Adakah Kementerian Alam Sekitar menjalankan kajian untuk kenalpasti impak **skim pindaan air dari Pahang ke Selangor**? Saya telah baca dalam net bahawa skim ini akan memindahkan 1.9 bilion liter air setiap hari dari Sg Pahang ke Selangor. Bukan amaun yang kecil Dato Pengerusi. 1.9 bilion liter se hari.

Apakah kesan ini atas aliran Sg Pahang? Berapakah persen pengurangan aliran Sg Pahang pada musim kering? Adakah

pengurangan aliran ini akan menyebabkan masalah salination di kawasan hilir Sg Pahang ia-itu kemasukan air laut ke dalam kuala Sg Pahang. Apakah impak ini terhadap industri perikanan? Terhadap kawasan pembiakan ikan? Apakah kesannya terhadap bekalan air minum bagi Bandar Pekan.

Isu terakhir yang saya ingin Tanya adalah ***berapakah amaun karbon dioksida yang dikeluarkan oleh negara kita*** tahun lalu? Berapakah persen yang dikeluarkan dalam proses penjanaan lektrik? Berapa banyak karbon dioksida dikeluarkan dalam penjanaan tiap satu megawatt yang dijana daripada batu arang dan berapa banyakkah bila penjanaan memakai hidrokarbon yang lain?

Apakah cadangan kerajaan untuk mengurangkan “carbon footprint” masyarakat kita?

Terima kasih.

Ambil keputusan yang Bijak dan Berani. Tolak Perjanjian TPPA.

17/11/2014

Terima kasih Tan Sri Penggerusi. Saya ingin menfokus hanya satu topic, Tuan Penggerusi. Ia itu TPPA.

Kita sudah sampai ke penghujung perundingan Perjanjian TPPA. Selepas berunding 4 – 5 tahun, kita sudah sampai takat di mana kita kena buat keputusan – mungkin dalam masa beberapa bulan lagi.

Daripada apa saya dapat lihat, Amerika Syarikat masih pendirian keras dan angkuh. Malaysia pernah pohon tembakau dan rokok di “carve out” – dikecualikan daripada syarat-syarat dalam Perjanjian TPPA. Permohonan Malaysia diterima baik oleh NGO NGO kesihatan dan juga beberapa negara lain. Tetapi Amerika Syarikat membantah permohonan kita.

Jika isu rokok pun dia membantah, bagaimana pula pendirian Amerika Syarikat terhadap isu harga ubat. Amerika mahu tempoh patent di panjangkan. Tempoh patent sekarang 20 tahun. Amerika mahu lanjutkan ini. Amerika juga ingin membawa syarat-syarat untuk melambatkan pembawaan ubat generic ke dalam Negara dengan memakai klausa “esklusiviti”. Ertinya, menghalang syarikat generic daripada memakai information yang dikeluarkan oleh syarikat asal dalam apa juga bentuk termasuk kertas penerangan yang disertakan bersama tiap kotak ubat.

Jadi Tan Sri Pengerusi, sudah sampai masa kita buat keputusan yang tegas dan berani. Jika Amerika Syarikat tidak mahu longgarkan syarat berkaitan IPR ataupun Hak Cipta Intelek; jika Amerika tidak mahu mengurangkan kuasa yang diberi di bawah seksyen ISDS atau pun Investor State Disute Settlement kepada syarikat gergasi untuk mendakwah kerajaan kita di Tribunal Antarabangsa; jika Amerika mahu Perolehan Kerajaan ataupun Government Procurement dibuka secara luas kepada syarikat gergasi Amerika; jika Amerika Syarikat terus sikap keras dan degil terhadap semua perkara ini, kita harus menolak TPPA.

Dan saya ingin cakap pada Menteri MITI dan pada Perdana Menteri, rakyat Malaysia akan menerima keputusan berani ini. Berilah penerangan pada mereka mengapa kita terpaksa menolak. Rakyat akan faham dan cakap terima kasih pada kerajaan.

Hakikatnya Tuan Pengerusi, adanya banyak negara di rantau Asia yang tidak menyertai TPPA. Negara Cina dengan ekonomi terbesar di dunia tidak dijemput ke rundingan TPPA. Negara Indonesia, Thailand dan Philippines tidak sertai perundingan TPPA. India juga tidak mengambil bahagian.

Baru-baru ini, dalam konferens APEC di Beijing, Negara Cina telah mengemukakan cadangan FTAA – Free Trade Agreement for Asia. FTAA ini adalah berbedza daripada TPPA kerana ia-nya lebih focus pada perdagangan dan tiada begitu banyak mengaitkan hak pelabur asing, hak cipta intelek dan hak syarikat asing untuk mendakwah kerajaan di tribunal di luar negara. FTAA adalah lebih sesuai untuk sebuah negara yang

sedang membangun daripada TPPA yang merupakan satu senarai idaman korporat gergasi – a corporate wish list.

Saya juga ingin meminta Kementerian Perdagangan Antarabangsa untuk berhenti mengiktirafkan TPPA ini sebagai satu perjanjian “High Quality 21st Century Agreement”. Saya tahu inilah pengiktirafan yang diberi oleh Michael Froman. Tetapi dia jurucakap pihak korporat gergasi.

TPPA ini akan menyekat akses rakyat biasa ke ubat-ubat baru. Adakah ini bermuthu tinggi? TPAA akan beri kuasa pada syarikat gergasi mendakwah kerajaan kita jika kerajaan melakukan suatu dasar yang kurangkan pencemaran alam atau mengurangkan tabiat merokok. Adakah ini bermuthu tinggi? TPPA akan pakai Hak Cipta Intelek untuk menghalang akses pelajar kita pada pengetahuan. Bermuthu tinggi?

TPPA adalah satu usaha untuk wujudkan suasana untuk kaum korporat asing masuk ke Malaysia dan buat apa sahja dia mahu. TPPA akan wujudkan satu kerangka di mana rogal ekonomi boleh dilakukan terhadap negara kita oleh syarikat gergasi asing. Jadi, marilah kita panggil TPPA dengan nama yang sebenarnya. Ia bukan bermuthu tinggi.

Syor saya pada Kabinet Malaysia - Ambil keputusan yang bijak dan berani. Tolak TPPA.



Jangan Mengabaikan Pekebun₂ Sayur-Sayuran

20^{hb} November 2014

Terima kasih Dato Pengurus memberi saya peluang berbahas budget Kementerian Pertanian.

Saya mahu Kementerian Pertanian menilai semula pendekatan kita terhadap pekebun-pekebun sayur kita. Wujudnya beberapa puluh ribu pekebun sayur-sayuran yang mencucuk tanah kerajaan. Hampir semua mereka ini adalah berbangsa Cina. Lebih daripada 90% daripada mereka tidak mempunyai geran tanah ataupun lease untuk memakai tanah itu. Ramai daripada mereka telah mencucuk tanah itu selama 3 generasi. Ada antara mereka yang telah memohon untuk geran tanah itu berulang kali. Tetapi gagal.

Kumpulan petani ini sedang menghadapi masalah pengusiran. Pada takat ini, di Perak sahaja, di Bidor Village, 300 petani kecil sayuran sedang hadapi pengusiran. Di Tronoh lebih daripada 200 petani kecil sayuran menghadapi masalah yang sama. Dekat kawasan saya, di antara Kuala Kuang dan Rimba Panjang, ada 1 ribu petani kecil yang diancam oleh pembangunan kawasan mereka.

Pembangunan kawasan mereka sedang menyusahkan pekebun-pekebun sayuran. Aktiviti pertanian adalah punca utama pendapatan mereka. Apa yang sedang berlaku langsung tidak adil pada mereka.

Selain daripada ketidakadilan terhadap golongan petani kecil ini, perkara ini juga membawa impak negatif terhadap tahap

sara diri dalam pembekalan sayuran untuk rakyat kita. Pada takat ini kita hanya mengeluarkan 70% daripada keperluan sayuran rakyat kita. Dan sebahagian besar daripada pengeluaran sayuran kita adalah oleh pekebun yang cucuk tanah kerajaan tanpa geran ataupun lease. Jika mereka semua diusir keluar perengkat demi perengkat, ini akan jeaskan sekuriti makanan Negara kita. Tahap sara diri dalam bekalan sayuran akan merudum.

Saya telah mengemukakan satu soalan dalam sesi yang lalu berkaitan masalah ini. Saya telah berosal berapakah bilangan pekebun sayuran yang mencucuk tanah kerajaan tanpa geran atau lease, dan juga berapakah banyak keluaran mereka. Jawapan bertulis yang saya dapat adalah bahawa kerajaan pusat tidak tahu. Tidak tahu kerana isu pemberian geran adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Ya, betul. Tanah memang dikendalikan oleh negeri-negeri. Tetapi Kerajaan Pusat harus ambil tahu. Kerana pada masa ini isu petani sayuran tidak dikendalikan dengan ambilkira kepentingan tahap sara diri dalam bekalan makanan. Oleh itu adalah penting untuk kerajaan pusat memberi pimpinan pada kerajaan-kerajaan negeri. You have to provide the leadership and sediakan satu pelan induk untuk memperkasakan petani kecil sayuran.

Tuan Pengerusi, baru pagi ini saya baca di dalam STAR. Perdana Menteri kita mengumumkan dalam satu forum berkaitan ASEAN betapa pentingnya kerajaan-kerajaan ASEAN berkerja bersama rakyat dan memperkasakan rakyat.

Saya harap cakap seperti ini dikotakan.

Bila kita ambil isu hal pemakanan Negara atupun food security, petani sayuran ada kemahiran dan pengalaman dalam bidang mereka ini. Jika mereka dibantu dengan diberi jaminan terhadap tanah yang mereka sedang mencucuk, sudah tentu mereka akan meningkatkan pengeluaran mereka. Saya berharap Kementerian Pertanian akan ambil berat isu ini.

Saya ingin akhiri dengan ingatkan Dewan satu ayat Koran yang disebut oleh YB Sepang semalam – *Jangan membenarkan kebencian kamu terhadap sesuatu kaum menyebabkan kamu bertindak tidak adil terhadap mereka.*

Saya harap prinsip ini diamalkan dalam penggubalan strategi induk yang inklusif dan adil terhadap pekebun-pekebun sayuran.

Jawapan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani –

Kementerian Pertanian tidak mempunyai kuasa berkaitan pemberian geran tanah ataupun “lease” kepada pekebun kecil Cina yang usahakan tanah kerajaan tanpa kebenaran memandangkan urusan berkaitan hak milik tanah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Bantuan kerajaan juga tidak dapat disalurkan memangangkan salah satu syarat pemberian bantuan adalah pemilikan tanah yang sah.

Masalah Pembentungan Di Taman-Taman Rumah Kos Rendah.

20hb November 2014

(Hanya diberi lima minit)

Saya ingin membawa dua isu. Yang pertama adalah isu sistem pembentungan di taman-taman rumah kos rendah yang memakai tangki pembentungan communal. Dahulu ada dijaga oleh majlis perbandaran masing-masing. Selepas itu diambil alih oleh Indah Waters. Akan tetapi sejak tahun 2010, IWK mengatakan bahawa ini di luar bidang kuasa IWK dan kena dijaga oleh penduduk sendiri.

Tetapi ini bukan praktikal. Di Sg Siput ada satu taman, Kg Sentosa dengan 200 buah rumah kos rendah. Taman lama yang diwujudkan 40 tahun dahulu dengan tangki pembentungan communal, di mana 200 rumah ini berkongsi 3 tanki pembentungan. Sekarang paip pembentungan telah tersumbat dan beberapa rumah dalam satu barisan tidak dapat memakai tandas mereka kerana air tandas tidak mengalir. Bila penduduk minta bantuan IWK, dia kata kena bayar RM1500 untuk check bahagian paip pembentungan dekat rumah-rumah mereka. Jika bahagian lain system paip terlibat mungkin kena caj lebih lagi.

Memang tidak senang untuk mengutip duit daripada 200 keluarga di taman ini. Ramai antara mereka adalah berpendapatan rendah. Dan jika ada yang tidak bayar, sudah tentu antara mereka yang bayar akan bising. Dan siapakah yang ada cukup masa untuk pergi rumah ke rumah untuk mengutip, menulis receipt dan simpan rekod?

Bolehkah kementerian melaksanakan pendekatan baru di mana majlis perbandaran dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih maintenance tanki-tanki pembentungan komunal dan membayar segala kos IWK? Majlis boleh memasukkan sebahagian daripada kos ini ke dalam cukai pintu yang dikenakan pada penghuni taman seperti ini.

Sebabnya kita adakan IWK adalah untuk wujudkan sistem pembentungan yang berkesan supaya sungai-sungai kita tidak tercemar oleh najis. Tetapi jika masalah tanki komunal tidak dikendalikan dengan baik, tujuan wujudkan IWK digagalkan. Di Sg Siput ada tiga buah taman dengan tangki pembentungan komunal. Di Kuala Kangsar ada beberapa taman lagi dengan masalah yang sama. So saya harap Kementerian Perumahan boleh kaji balik peruntukan yang sedia ada buat perubahan yang perlu.

Isu kedua yang saya ingin membawa adalah masalah perumahan. Ada 200 hingga 300 keluarga di Sg Siput yang tidak mempunyai rumah mereka sendiri. Kebanyakan mereka berpendapatan di bawah RM 3000 se bulan. Saya difahamkan bahawa mereka telah datang ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dua bulan lalu untuk memberi senarai mereka yang memerlukan rumah kos rendah dan memohon satu skim perumahan kos rendah di Sg Siput U. Saya harap sebahagian daripada peruntukan kementerian boleh dipakai untuk wujudkan satu skim perumahan kos rendah di Sg Siput.

Terima kasih.

Jawapan YB Datuk Abdul Rahman Dahkan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan –

Tolong memanjangkan sebutharga IWK untuk menyempurnakan sistem pembentungan Kg Sentosa. Kementerian akan membantu.

Pihak Polis Harus Bertindak Tegas Terhadap Sindiket Menculik dan Samseng Politik Fasis.

25^{hb} November 2014

Terima kasih Dato Pengurus. Saya ingin menyentuh 4 perkara. Pertamanya adalah NGO-NGO di Pulau Pinang telah mengadu terhadap kewujudan satu syndicate di Pulau Pinang yang **menculik orang asing terutama orang Rohinya** untuk mendapat wang tebusan daripada keluarga mereka. Jika keluarga gagal membayar, mangsa dibunuh.

Izinkan saya membaca satu petikan surat khabar. Ini dari STAR 15/11/2014 – SDCP Abdul Rahim said that there were 48 murder cases in Penang this year compared to 37 in 2013. Out of the 48 cases 31 involved foreigners, many were of Myanmar origin. Saya mahu pihak polis ambil berat terhadap perkara ini, dan ambil tindakan tegas.

Perkara kedua yang saya ingin bawa adalah peristiwa yang berlaku di **Speakers' Corner di Pulau Pinang** pada 12hb Oktober 2014. 20 orang peserta NGO telah berkumpul di situ untuk buat press conference terhadap kempen Pemansuhan Akta Hasutan.

Satu kumpulan 30 orang lelaki telah datang dan mengugut, memarah dan tolak-menolak kumpulan NGO ini.

Mereka yang bertindak agresif ini memakai T shirt dengan slogan “Kekalkan Akta Hasutan” dan membawa hailer. Ini menunjukkan bahawa ini adalah satu aksi terancang.

Kumpulan 30 orang lelaki itu mempunyai hak untuk mempertahankan Akta Hasutan, tetapi mereka tidak berhak untuk bertindak ganas terhadap kumpulan pertama. Malangnya sampai sekarang polis belum buat tangkapan mahupun dakwaan. Apa yang dilakukan oleh kumpulan pro Akta Hasutan adalah bersifat jenayah – Criminal Intimidation.

Jika polis tidak ambil tindakan, kumpulan seperti ini akan digalak untuk terus tindak sebagai satu kumpulan fasis yang memakai kekerasan terhadap kumpulan lain.

Perkara ke tiga adalah berkaitan dengan *permohonan kewarganegaraan*. Saya ada satu kes dari kawasan saya yang telah pohon untuk IC biru mulai tahun 2011. Permohonan beliau telah dilulus pada Julai 2013. Tetapi beliau tidak dimaklum.

Saya telah membawa pemohon ini ke Pejabat JPN di Ipoh. Tetapi mereka pun tidak dapat cari dalam computer. Mereka memberitahu kami bahawa kes masih dalam proses. Akhirnya saya bawa pemohon ke Putra Jaya dan di sana kami diberitahu permohonan beliau telah dilulus lebih daripada satu tahun sebelum itu.

Bolehkah Kementerian kaji perkara ini dan wujudkan satu sistem untuk memudahkan proses ini. Mungkin semua permohonan yang berjaya harus dipaparkan dalam website Kementerian supaya memberitahu orang awam dan juga pegawai JPN di pejabat-pejabat lain?

Perkara terakhir yang saya ingin bangkit adalah masalah yang dihadapi oleh seorang budak berumur 7 tahun. Ibunya telah larikan diri apabila budak ini masih bayi. Masalahnya sekarang adalah nama bapa budak ini tidak tercatit dalam sijil kelahirannya.

Apabila saya bawanya ke Pejabat JPN, saya dinasihatkan bahawa mengikut **seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran 1957**, permintaan untuk memasukkan nama bapa ke dalam sijil kelahiran harus dikemukakan oleh kedua-dua ibu dan bapa. Ini dalam Akta.

Tetapi sekarang kita ada teknologi ujian DNA. Kenapa ujian ini tidak boleh digunakan untuk selesaikan kes seperti saya ceritakan tadi. Saya harap Kementerian boleh menyiasat dan buat perubahan dalam Akta Pendaftaran Kelahiran.

Terima kasih.

Tiga Pucok Surat

Surat kepada Presiden PAS

Sdr YB Dato Seri Hadi Awang yang saya hormati,

Saya minta izin Dato Seri mengemukakan beberapa fakta terhadap isu persamaan antara sosialisme dan komunisme. Saya harap YB dapat melapangkan sedikit masa untuk membaca surat ringkas ini

Dato Seri, wujudnya 3 aliran politik yang memanggilkan diri mereka "komunis". Satu adalah aliran Eurocommunism yang mengambil bahagian dalam pilihanraya seperti di Itali, Perancis, Sweden dan juga India. CPI M pernah menubuhkan kerajaan di Negeri Bengal dan Kerala beberapa kali.

Aliran kedua dalam lingkungan komunis adalah kumpulan "Maoist" yang berpegang pada pendekatan bersenjata untuk mengambil kuasa. Parti Komunis Malaya adalah daripada aliran ini.

Aliran ketiga adalah parti parti yang dulu memegang kuasa di USSR dan Eropah Timur. Mereka berbeda daripada aliran pertama dalam isu sistem multi-party dan pilihanraya di mana aliran ini berpegang pada konsep "one party state" ia-itu pemerintahan berterusan oleh satu parti. Stalin adalah daripada aliran ketiga ini.

Kami (PSM) telah memilih gelaran “Sosialis” kerana kami ingin membedzakan pendirian politik kami daripada aliran aliran komunis kedua dan ketiga yang dihuraikan di atas. Perbedaan utama antara PSM dan aliran2 komunis ini adalah

1. PSM menolak pendekatan perjuangan bersenjata sebagai jalan untuk mencapai matlamat politik di Malaysia pada zaman ini kerana

- Malaysia sebuah negara yang sudah merdeka
- Kita mengamalkan system demokrasi dengan pilihanraya (walaupun adanya kecacatan dalam proses itu)
- dan rakyat kita telah menolak perjuangan bersenjata.

Kami percaya perubahan politik di Malaysia harus dibawa melalui proses demokrasi dan pilihanraya.

2. PSM juga menolak konsep pemerintahan berterusan oleh satu parti kerana ini membawa kepada elitism dan penyelewengan kuasa kerana tiada sistem “check and balance”. Perubahan harus dibawa melalui pendidikan rakyat supaya mencapai consensus terlebih dahulu berkaitan perubahan yang diingini, dan kepentingan rakyat harus dipelihara dengan mengukuhkan amalan demokrasi di negara kita.

3. PSM bukan anti-agama. Kami bukan parti yang didasarkan pada sesuatu agama. Dalam perkara ini pendekatan kami adalah sama dengan pendekatan Parti Keadilan dan DAP yang juga bukan didasarkan pada

sesuatu agama. Tetapi langsung tiada sekatan atas ahli PSM terhadap mengikut mana mana agama. Ada ahli Hindu, Kristian, Islam dan juga Buddhist di kalangan ahli PSM.

Pada pemahaman saya wujudnya beberapa persamaan antara nilai-nilai utama PSM dan ajaran agama kerana kedua-duanya diasaskan pada solidariti antara manusia dan solidariti manusia dengan alam sekitar. Sosialis percaya lapisan miskin dan yang terpinggir harus dilindungi dan dibantu; sosialis percaya harus menghapuskan penindasan mana-mana lapisan masyarakat; sosialis percaya harus memupuk satu sistem ekonomi yang adil pada semua. Saya bukan seorang pakar dalam agama, tetapi saya percaya pendirian sosialis ini adalah selari dengan ajaran agama.

4. Kami tidak menolak pemilikan harta secara keseluruhan. Bidang-bidang di mana persaingan sihat boleh dikekalkan boleh diserahkan pada sistem pasaran kerana persaingan ini akan mendisiplinkan syarikat-syarikat dan membekalkan keperluan pada orang ramai dengan harga berpatutan. Tetapi di bidang-bidang di mana strukturnya mendorong pada monopoli, syarikat terlibat harus dikendalikan oleh masyarakat secara yang demokratik dan terbuka.

Saya harap nota-nota ini dapat bantu menjelaskan pada YB perbedaan yang wujud antara kami, sosialis di PSM, dan aliran₂ komunis. Jika Dato Seri ingin berbincang isu ini secara

yang lebih dalam, saya sentiasa sedia untuk datang berjumpa YB.

Kami di PSM percaya bahawa pada masa ini, matlamat politik kita yang mencintai Negara ini adalah untuk tukar regim BN yang saya percaya tidak dapat dibaikpulih kerana amalan penyelewengan dan rasuah telah menjadi kebiasaan mereka. Oleh itu kami tetap menyokong perjuangan politik Pakatan Rakyat untuk mengambil alih kerajaan negara ini. Dan kami harap PSM akan diterima sebagai rakan perjuangan dalam usaha menurunkan BN.

Terima kasih.

Yang benar,

Jeyakumar Devaraj
Sg Siput
(April 2014)

Surat Kepada Presiden Barrack Obama

26^{hb} April 2014
(Terjemahan oleh Zikri Rahman)

Ke hadapan Presiden Obama,

Ingin sekali untuk diri ini untuk mengucapkan " Selamat datang ke Malaysia" kerana kami orang Malaysia secara amnya, orang

yang senang menerima tamu, dan ramai daripada kami teruja kerana anda dinobat menjadi Presiden Amerika Syarikat Yang Ke 44. Kemampuan anda menyampaikan dan menggulungkan hujah - benar benar mengagumkan!

Tetapi ada seperkara yang menahan saya dari menerima kehadiran anda ke Malaysia seikhlasnya kerana antara agenda utama anda adalah untuk Kerajaan Malaysia menandatangani TPPA - Perjanjian Usahasama Rentas Pasifik (the Trans Pacific Partnership Agreement.)

Anda perlu tahu wahai Presiden, TPPA akan menaikkan harga ubat ubatan buat kami, sekaligus meningkatkan kos bagi pesakit HIV untuk mendapatkan rawatan lanjut yang diperlukan saatnya mutasi virus menjadi lali terhadap rawatan biasa.

Firma farmaseutikal (ubat ubatan) telah menetapkan klausia seperti "pengekskusifan data" yang akan menghalang pengimportan ubatan generik (Ubat yang dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal yang bukan pengeluar asal ubat tersebut setelah hak patennya tamat) walaupun selepas tamat tempoh hak paten dengan menjadikannya satu "jenayah" apabila penggunaan data berkaitan ubatan digunakan syarikat lain. Ramai pesakit kanser akan menghadapi kesukaran mendapatkan rawatan efektif untuk mengubati kanser sebaik saja Malaysia menandatangani TPPA.

Apakah anda sedar wahai Presiden, bahawa kebanyakan syarikat berebut mahu mematenkan prosedur pembedahan sehingga ke spesis hidupan - peruntukan melalui Hak Cipta Intelek (IPR - Intellectual Property Right) menjadi satu kebiasaan untuk "memagar" hak asalnya milik kita bersama -

satu cara penjarahan kekayaan Abad ke 21 oleh syarikat korporat dari negara maju terhadap negara membangun.

Semenjak zaman penjajahan, kekayaan dunia ketiga dijarah - mulanya dari pemerintahan oleh penjajah, kemudian melalui kawalan teknologi, seterusnya melalui keberhutangan dan kawalan akses kepada pasaran. Dan peruntukan melalui IPR adalah kaedah terbaru menjarah hasil kekayaan negara yang lebih miskin untuk keuntungan 1% yang kaya.

Presiden Obama, anda mesti pernah mendengar kes Philip Morris,pengilang rokok dari US menyaman Kerajaan Australia kerana meluluskan undang undang untuk memastikan semua syarikat pengilang rokok untuk meletakkan gambar pesakit kanser di atas kotak rokok. Kata Philip Morris untung bermula mereka digangu oleh penguatkuasaan ini kerana akan menurunkan hasil jualan rokok di Australia!

Apa pendirian anda wahai Obama - apa ianya tidak menjelikkan untuk sebuah syarikat mempunyai hak undang undang untuk menyaman sebuah kerajaan yang dilantik rakyat untuk mengambil langkah melindungi rakyatnya sendiri? Apa anda tidak gusar bahawa peruntukan TPPA memberi kuasa terlalu luas buat syarikat gergasi?

Dan juga ada beberapa perkara - ada sesetengah kerajaan yang sudahpun menandatangi klausa Investor State Dispute Settlement (ISDS) disaman di tribunal antarabangsa oleh syarikat gergasi yang mencemarkan sungai dan sumber air, dan ada yang disebabkan kerana mengharamkan praktis industri yang merbahaya kepada masyarakat antara yang lainnya.

Jadinya mengapa anda wahai Obama bersungguh untuk TPPA yang hanya akan menguntungkan bos korporat?

Apakah boleh saya boleh bertanya soalan yang kurang sopan pada kamu wahai Presiden? Pada kemahuan siapa anda datang melawat Malaysia - kemahuan orang negara Amerika kah? Saya yakin bahawa majoriti rakyat negara kamu sendiri mahukan rakyat Malaysia punyai akses terhadap ubatan dan buku teks pelajaran dengan harga berpatutan.

Kebanyakan rakyat Amerika pastinya melihat tidak ada salahnya sesebuah kerajaan untuk melindungi kesihatan warga dan alam sekitarnya. Rakyat anda wahai Presiden pasti tidak akan bersetuju kepada banyak peruntukan yang terdapat di dalam TPPA - dan mungkin sahaja ini adalah sebab mengapa rundingan itu hingga hari ini berlaku tanpa pengetahuan rakyat anda sendiri, malahan Ahli Kongres sendiri.

Setiausaha Perdagangan negara anda, Encik Fromann baru baru ini memberitahu kepada Kaukus Parlimen kami bahawa TPPA adalah perjanjian cangih dan berkualiti tinggi bersifat Abad Ke 21. Apa anda bersetuju dengan itu wahai Presiden - dengan rundingan yang dilakukan secara rahsia, dengan menyimpan maklumat dari keseluruhan warga 12 negara yang menyertai rundingan - apa yang "berkualiti" dan "canggihnya" tentang itu? Mana perginya ketelusan, rundingan dan ruang untuk penglibatan warga?

Jadinya wahai Presiden, jika anda di sini bukan sebagai wakil rakyat Amerika, pada kemahuan siapa anda di sini? Apa mereka yang memiliki 1% kekayaan dalam dunia ini bagi

memaksimumkan keuntungan mereka? Apa mereka ini yang diwakili anda?

Jika begitulah, sukar untuk saya mengucap dan benar benar ikhlas dengan ucapan "Selamat Datang ke Malaysia" saya ini. Adalah sesuatu yang menyedihkan, untuk seorang individual yang cerdik pandai seperti anda akhirnya diperkudakan untuk menjadi tunggangan syarikat korporat Amerika - kata mereka, kuasa itu cemar tetapi tidak bagi mereka ini!

Walaubagaimanapun ianya adalah satu kerugian untuk bakat anda dipersiakan dari dikerjakan ke arah dunia di mana kehidupan warga lebih utama dari keuntungan, di mana pengeluaran gas karbon dioksida terkawal dan alam sekitar diperlaku penuh hormat.

Sampaikan salam kami buat warga Amerika wahai Presiden Obama, kami tidaklah berkelahi dengan mereka, kerana dengan ikhlasnya, kami mengerti warga biasa Amerika turut terjejas - dengan status pengangguran dan pendapatan 60% rakyat termiskin Amerika yang semakin meleset sedari 20 tahun yang lalu.

Mungkin satu hari nanti, tidak jauh dari sekarang, warga marhaen negara anda dan kami akan berganding bahu mencabar tamak haloba syarikat korporat dan menyusun atur semula masyarakat kita berdasarkan prinsip demokrasi penyertaan, keadilan sosial dan solidariti.

Di dalam tatanan yang baru itu wahai Presiden, dagangan antara negara menjadi penting, dengan semangat, "Pasar Adil" yang memberi manfaat pada warga dunia, bukan tamak haloba korporat atas nama "Pasar Bebas".

Jeyakumar Devaraj
Ahli Jawatankuasa Pusat PSM
& Ahli Parlimen Sg Siput

Surat Kepada Ahli Parlimen PAS

16hb Jun 2014

Kepada Rakan-Rakan Seperjuangan di Parti PAS, saya berhasrat membawa satu isu semasa ke perhatian YB kerana saya rasa ianya adalah satu isu yang memundurkan usaha kami untuk menumbangkan UMNO-BN dalam PRU 14 dan membina satu masyarakat yang adil. Isu yang saya maksudkan adalah kes rampasan Alkitab Bible oleh JAIS.

Keratan surat khabar yang saya sertakan bersama surat ini mengatakan bahawa JAIS ingin memohon pada Mahkamah untuk kebenaran memusnahkan 321 Alkitab Kristian yang telah dirampas pada Januari tahun ini daripada Pejabat NGO Kristian “Bible Society”.

Saya bukan pakar agama, tetapi pada saya, pendekatan JAIS dalam perkara ini bercanggah dengan prinsip Islam sendiri. Kerana Islam menghormati hak penganut agama-agama lain mempraktikkan agama mereka sendiri tanpa gangguan. YB

sendiri tahu lebih daripada saya ayat-ayat dalam Koran yang menitikberatkan pendekatan ini.

Pendekatan JAIS juga bercanggah dengan Perlumbagaan yang memberi hak pada penganut agama-agama lain mempraktikkan agama mereka tanpa halangan. Sekatan yang dikenakan tehadap penganut agama lain hanya dihadkan pada usaha mencuba menukar agama orang-orang Muslim. Adakah menyimpan Alkitab dalam Bahasa Malaysia dalam satu Pejabat Persatuan Kristian merupakan bukti bahawa adanya komplot menukarkan agama orang Muslim di Malaysia?

Pada saya, dalam perkara ini, JAIS bukan didorong oleh nilai murni Islam. Tetapi, masalahnya pada kita adalah, pendekatan keterlaluan oleh JAIS bukan sahja menjelaskan hak bergama orang Kristian, tetapi juga menjelaskan imej Islam sebagai sebuah agama yang adil dan mesra manusia (compassionate).

Tingkah laku JAIS sudah tentunya meningkatkan ketakutan dan bantahan orang bukan Islam terhadap usaha-usaha untuk meresapkan unsur unsur Islam ke dalam pengurusan Negara Malaysia (yang merupakan matlamat politik PAS sendiri) kerana mereka khuatir apa juga kuasa yang diberi pada pihak Jabatan Agama Islam akan digunakan oleh pihak chauvinis-nasionalis Melayu untuk menekan masyarakat bukan Melayu kerana perasaan rasis.

Saya bawa isu ini ke perhatian YB kerana saya harap PAS boleh mengambil suatu posisi menegur tindakan JAIS terbaru ini. Ini adalah suatu peluang baik untuk membuktikan kepada rakyat

Malaysia bahawa Islam yang dibawa oleh PAS berbedza daripada apa yang dipraktikkan oleh JAIS. Jika kita tidak membedzakan “brand” Islam yang PAS ingin membawa daripada apa yang dilaksanakan oleh JAIS, sudah tentu masyarakat bukan Islam akan react secara negatif terhadap apa-apa usaha yang PAS membawa untuk memasukkan unsur Islam dalam pengurusan Negara kita.

Saya harap YB boleh membawa isu ini ke perhatian kepimpinan PAS supaya satu respons yang jelas dan berprinsip dapat diumumkan.

Jeyakumar Devaraj

Sg Siput